

## **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN BIL. 2 TAHUN 2014 AKAUN BELUM TERIMA KERAJAAN ASAS AKRUAN**

### **1. TUJUAN**

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan memberi pemahaman berkaitan Akaun Belum Terima (ABT) dalam pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Persekutuan. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) 9, 13, 23, 28, 29 dan 30, Polisi Perakaunan Akruan serta Polisi Peralihan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan.

### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 yang sedang berkuat kuasa, ABT ditakrifkan sebagai sejumlah wang yang sepatutnya telah diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa tetapi belum diterima berasaskan kepada bil atau melalui dasar dan keputusan Kerajaan yang berkuat kuasa.
- 2.2 Amalan pada masa kini, ABT hanya dilaporkan sebagai Nota Kepada Akaun dan tidak diambilkira dalam Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan. Di dalam persekitaran akruan, ABT diiktiraf sebagai sebahagian daripada aset kerajaan dan dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan.
- 2.3 Perbezaan di antara ABT di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan ABT di bawah perakaunan akruan adalah dari segi pengiktirafan dan pengukuran.

### **3. AKAUN BELUM TERIMA DALAM ASAS PERAKAUNAN AKRUAN**

#### **3.1. Definisi**

ABT dalam perakaunan akruan merupakan amaun yang sepatutnya diterima tetapi belum diterima oleh Kerajaan yang wujud daripada peristiwa lampau (*past event*) seperti pemberian pinjaman, kenaan cukai, penyampaian perkhidmatan, penjualan barang dan lain-lain.

Contoh ABT adalah seperti baki pinjaman belum terima, cukai belum terima dan pendahuluan.

### 3.2. Pengiktirafan dan Pengukuran ABT

#### 3.2.1 Pengiktirafan

##### 3.2.1.1 ABT daripada urus niaga bukan pertukaran (MPSAS 23) :-

- (a) ABT daripada urus niaga bukan pertukaran (mempunyai nilai pertukaran yang tidak setara) hendaklah diiktiraf apabila berlaku peristiwa yang menyebabkan amaun dikenakan dan dapat diukur secara pasti (*reliable*) tetapi tunai belum diterima. Contoh ABT daripada urus niaga bukan pertukaran adalah seperti ABT cukai pendapatan, cukai harta, cukai jualan dan perkhidmatan, duti kastam, denda dan penalti.
- (b) ABT tidak wujud bagi hasil seperti lesen, permit atau levi kenderaan kerana hasil tersebut diiktiraf apabila tunai diterima.
- (c) ABT daripada hasil saman polis juga tidak akan diiktiraf kerana hasil ini tidak dapat diukur dengan tepat sehingga diterima.
- (d) ABT daripada hasil cukai kastam dan perkhidmatan hospital diberi tempoh peralihan satu (1) hingga tiga (3) tahun (2015 - 2017) untuk diperakaunkan mengikut asas akruan bagi membolehkan Kementerian/Jabatan menyediakan/membangunkan sistem terimaan asas akruan.
- (e) Walau bagaimanapun, maklumat ABT bagi kedua-dua perkara (c) dan (d) masih perlu diselenggarakan bagi tujuan pemantauan oleh Kementerian/Jabatan.

### 3.2.1.2 ABT daripada urus niaga pertukaran (MPSAS 9 & 13)

ABT daripada urus niaga pertukaran (yang mempunyai nilai pertukaran yang setara) hendaklah diiktiraf apabila barang bertukar tangan, perkhidmatan diberikan dan invois dikeluarkan tetapi tunai belum diterima. Contoh ABT urus niaga pertukaran adalah seperti penjualan barang/perkhidmatan, sewaan, faedah dan dividen.

### 3.2.1.3 ABT daripada pinjaman/pajakan/pendahuluan (MPSAS 13, 28, 29 & 30)

- a) ABT daripada pinjaman/pajakan diiktiraf pada tarikh entiti menandatangani perjanjian pinjaman/pajakan. ABT pinjaman/pajakan adalah jumlah baki keseluruhan pinjaman/pajakan. Contoh ABT adalah seperti pinjaman kepada agensi, pinjaman kenderaan, pinjaman komputer, pinjaman perumahan dan pajakan kewangan bangunan.
- b) ABT daripada pendahuluan diiktiraf pada tarikh pendahuluan diberikan kepada pihak berkenaan. Contoh ABT termasuk pendahuluan kontraktor, pendahuluan diri dan pelbagai.

## 3.2.2 Pengukuran

Pengukuran awal ABT masing-masing hendaklah diukur berdasarkan nilai cukai yang ditaksir/dikenakan atau pada amaun urusniaga atau berdasarkan kepada amaun pinjaman/pajakan/pendahuluan belum terima.

Pengukuran seterusnya diukur pada kos pelunasan ditolak dengan peruntukan hutang lapuk/penjejasan (*impairment*).

#### **4. BAKI AKHIR DAN AWAL ABT DALAM PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN**

- 4.1 Nilai ABT yang diambil kira bagi tujuan baki awal tahun baru adalah nilai baki akhir ABT bagi tahun sebelumnya.
- 4.2 Bagi ABT yang maklumatnya berada di sistem GFMS/1GFMS, baki akhir dan awal akan diuruskan melalui sistem tersebut.
- 4.3 Bagi Kementerian/Jabatan yang mempunyai sistem terimaan/ABT sendiri, baki akhir dan awal ABT Kementerian/Jabatan tersebut akan diperolehi melalui sistem. Akaun subsidiari bagi ABT tersebut hendaklah diselenggara oleh Kementerian/Jabatan.
- 4.4 Mulai tahun 2015, Kementerian/Jabatan yang tidak mempunyai sistem terimaan/ABT hendaklah menggunakan sistem 1GFMS untuk merekodkan/memperakaunkan terimaan dan ABT.

#### **5. PEMAKAIAN**

Semua Kementerian/Jabatan hendaklah mengguna pakai garis panduan ini dalam mengurus dan merekod ABT selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan mulai 2015.

Sebarang pertanyaan berkaitan garis panduan ini boleh diajukan kepada :

Pengarah  
Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Aras 4, No. 1, Persiaran Perdana  
Kompleks Kementerian Kewangan  
**62594 PUTRAJAYA**

Tel : 03-88821800  
Emel: [helpdesk.akruan@anm.gov.my](mailto:helpdesk.akruan@anm.gov.my)